

Paluan Bersama!



Suraya Rahmat

Paluan Bersama!

Sekolah Nabil dan Nabilah mengadakan Pesta Kesenian. Murid-murid dari Darjah 5 sedang mempelajari alat-alat paluan daripada guru muzik mereka, Cikgu Zuhri.

“Wah, seronok betul dapat bermain alat-alat paluan ini!” kata Nabilah.

“Betul tu, Nabilah. Bunyi alat-alat paluan seperti kompong, marwas, jidur, tanggu dan tabla agak berbeza,” kata Nabil pula.



Nabil **ada akal**. Di dalam kelas, Nabil **mengusulkan** kepada Cikgu Lim, guru kelas mereka, agar mereka dapat membuat satu persembahan pada Hari Persahabatan Antarabangsa. Oleh kerana ramai yang ingin mengambil bahagian, Cikgu Lim akan adakan uji bakat.

Murid-murid diberi masa untuk berbincang. Nabil dan Nabilah membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada mereka berdua, Kimberly, Rajesh dan Andri. Kumpulan mereka melantik Nabil sebagai ketua kumpulan. Nabil mencadangkan agar mereka berbincang selepas sekolah di rumahnya.

Selepas sekolah, hanya Nabil, Andri dan Rajesh yang pulang ke rumah Nabil. Nabilah dan Kimberly balik lewat kerana mereka ada kelas tambahan dan juga mesyuarat pengawas.

“Kamu bertiga harus berbincang tentang persembahan kami nanti,” pesan Nabilah kepada mereka.

“Saya akan terus pulang selepas mesyuarat nanti,” tambah Nabilah.

Dirumah Nabil, Rajesh dan Andri tidak berbincang tentang persembahan tersebut. Sebaliknya, mereka leka bermain permainan komputer sehingga waktu lewat petang.

Ibu bapa Nabil yang baru pulang dari rumah terperanjat melihat keadaan rumah mereka berselerak.

“Berseleraknya rumah ini Nabil!” kata Encik Nazri, ayah Nabil.

Mereka bertiga kelam-kabut mengutip kotak-kotak air dan juga bekas-bekas makanan ringan di ruang tamu.

“Kamu bertiga sudah selesaikan kerja sekolah?” tanya Puan Natasha, ibu Nabil. Mereka bertiga menundukkan kepala.

Beberapa minit kemudian, Nabilah pulang ke rumah dengan kepenatan. Nabilah melihat mereka bertiga sedang disoal ibu bapanya.

“Abang sudah bincangkan persembahan kita?” tanya Nabilah.

“Andri, Rajesh? Mengapakah awak berdua diam?” tanya Nabilah lagi.

Mereka bertiga tidak dapat menjawab soalan-soalan Nabilah. Memandangkan abang serta rakan-rakannya diam **terpaku**, Nabilah menerangkan kepada ibu bapanya apa yang sepatutnya mereka lakukan. Keadaan di rumah itu menjadi **hening**.

“Maafkan kami. Kami tidak sedar yang masa berlalu dengan pantas,” kata Rajesh dengan perasaan malu.



“Kami sibuk bermain permainan video,” kata Nabil.

Rajesh dan Andri ditanya oleh Encik Nasri samada mereka telah mendapatkan keizinan ibu bapa.

Mereka berdua menggeleng-geleng lalu tunduk ke lantai. Tuan Nazri dengan segera menelefon kedua-dua orang tua Rajesh dan Andri.

Rajesh dan Andri meminta maaf kerana tidak meminta izin daripada ibu bapa mereka untuk ke rumah Nabil.

(Di rumah Andri)

“Mana Andri ni? Sudah pukul enam petang, dia masih belum pulang ke rumah,” kata Ibu Andri kepada suaminya.



“Dia ada beritahu awak ke mana dia pergi?” tanya bapa Andri.

“Tidak, Abang. Mungkin ada perkara yang buruk berlaku ke? Baik awak telefon pihak sekolah,” kata ibu Andri yang mula rasa **panik**.

(*Di rumah Rajesh*)

“Abang, Rajesh masih belum pulang. Saya risau lah. Takut-takut dia pengsan di mana-mana” kata ibu Rajesh kepada suaminya.

“Awak sudah hubungi Rajesh?” tanya bapa Rajesh.

“Sudah Abang tetapi dia tidak balas. Saya akan telefon sekolahnya,” jawab ibu Rajesh dengan perasaan gelisah.

Telefon kedua bapa mereka berdering selang beberapa minit.




Kedua-dua bapa Rajesh dan Andri berasa amat lega mendapat panggilan daripada Encik Nazri. Mereka akan menjemput anak-anak mereka dari rumah Encik Nazri.

Sebelum pulang, Encik Nazri menasihati mereka bertiga tentang pentingnya sikap bertanggungjawab apabila telah diberikan sesuatu tugas. Encik Nazri menambah bahawa mereka bernasib baik. Ibu bapa mereka belum menelefon pihak polis untuk membuat laporan tentang kehilangan mereka.

Namun, oleh kerana panggilan ke sekolah telah dibuat, guru mereka, Cikgu Lim, telah pun diberitahu. Encik Nazri menelefon Cikgu Lim dan menerangkan perkara yang sebenar.

Keesokan harinya, ketiga-tiga murid itu dipanggil oleh Cikgu Lim. Mereka dinasihati supaya tidak mengulangi perbuatan itu lagi.

Cikgu Lim mengambil kesempatan untuk memberitahu murid-murid di kelasnya tentang



pentingnya untuk meminta keizinan ibu bapa jika mereka mahu ke mana sahaja.

Nabil memberitahu Nabilah bahawa Nabilahlah yang sepatutnya menjadi ketua kumpulan dan Kimberly sebagai naib ketua untuk persembahan mereka.

Kelima-lima ahli kumpulan berbincang tentang persembahan mereka di perpustakaan selepas waktu sekolah dengan kebenaran ibu bapa mereka.

Nabilah mencadangkan persembahan paluan secara individu. Kimberly pula mengusulkan mereka membuat persembahan secara kumpulan. Rajesh, Andri dan Nabil bermain alat-alat paluan sementara Nabilah dan Kimberly bernyanyi. Namun, mereka tidak dapat kata putus mengenai persembahan mereka. Mereka menghadapi jalan **buntu**.

Mereka berjumpa Cikgu Zuhri dengan harapan agar beliau dapat membantu mereka dengan memberikan jalan keluar bagi kebuntuan mereka.



“Cikgu. Kami ingin bermain alat-alat paluan yang Cikgu ajarkan tempoh hari,” Nabilah bersuara.

“Apakah pandangan Cikgu?” tambah Kimberly.

Sebelum sempat Cikgu Zuhri menjawab, Andri **mencelah**. Dia mencadangkan agar mereka sekelas membuat persembahan bersama-sama menggunakan alat-alat paluan dari pelbagai negara iaitu Cina, India, Malaysia, Indonesia, Afrika dan Amerika Selatan. Mereka berlima bersetuju.

“Maaf Cikgu, saya terlalu ghairah sehingga mencelah pula sebelum Cikgu dapat berikan pandangan,” pohon Andri meminta maaf.

“Tidak mengapa, Andri. Yang penting kamu sudah pun tahu persembahan yang ingin kamu lakukan,’ jawab Cikgu Zuhri.

“Nanti di kelas muzik, Cikgu ajarkan kami paluan-paluan itu, ya,” minta Nabilah pula.

“Kami berjanji akan memberikan yang terbaik,” kata Rajesh pula.



Mereka berlima menyatakan hasrat mereka kepada Cikgu Lim. Nabilah bertanya rakan sekelas. Semua bersetuju kerana mereka semua dapat mengambil bahagian.

(Pada Hari Persahabatan Antarabangsa, di dewan sekolah)

Perasaan **gemuruh menyelubungi** Nabil dan Nabilah serta rakan sekelasnya pada hari persembahan.



Kata-kata **perangsang** daripada Cikgu Lim dan Cikgu Zuhri membuat mereka kembali yakin diri.

Akhirnya, persembahan Nabil dan Nabilah serta rakan-rakannya memukau para penonton pada Hari Persahabatan Antarabangsa! Cikgu Lim dan Cikgu Zuhri berasa bangga.



Glosari

ada akal	ada idea
hening	sunyi, senyap
perangsang	dorongan, semangat
menyelubungi	menutup
buntu	tidak dapat berfikir lagi
gemuruh	kuat dan menderu-deru bunyinya
mengusulkan	mencadangkan
terpaku	dalam keadaan tidak bergerak-gerak
mencelah	menyampuk, memotong cakap seseorang
panik	cemas , takut , bimbang, gelisah



Trivia

Tahukah kamu ...

1. Jidur ialah gendang yang diperbuat daripada kulit lembu dan selalunya dipalukan dengan kayu.
2. Marwas selalunya dimainkan secara berkumpulan.



Aktiviti Bersama Keluarga

Layari internet dan tonton video-video persembahan-persembahan alat-alat gendang dari seluruh dunia bersama keluarga.

